



PUSAT PEMBIAKAN ITIK
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
3287, Persiaran Delima
Kampung Paya Jaras Hilir
47000 Sungai Buloh
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA



Tel: 03-6156 8105/8372
Faks: 03-6156 8371
E-mel: ppij.dvs@gmail.com

Ruj. Kami : JPV/PPI/300-4/1/1/2(1)
Tarikh : 15 September 2020

SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

JEMPUTAN UNTUK MENYERTAI TAWARAN PEMBELIAN JUALAN SISA PELUPUSAN ASET KERAJAAN DI PUSAT PEMBIAKAN ITIK PAYA JARAS, JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak tuan, Pusat Pembiakan Itik Paya Jaras akan membuat pelupusan aset alih kerajaan jenis kenderaan secara jualan sisa. Sehubungan dengan itu, Pusat ingin menjemput syarikat tuan untuk menyertai tawaran tersebut.

3. Berikut merupakan maklumat jenis kenderaan yang akan dilupuskan beserta tarikh dan waktu tawaran akan dibuka.

Jenis Kenderaan	: 1. Traktor Empat Roda/ Same Mercury 85 WD Special 2. Traktor Empat Roda/ Same Mercury
Tarikh Tawaran	: 25 September hingga 8 Oktober 2020
Masa Tawaran	: 10.00 pagi hingga 3.00 petang

4. Bersama-sama ini disertakan Kenyataan Tawaran Pembelian Jualan Sisa dan Borang Tawaran Pembelian Jualan Sisa untuk tindakan lanjut pihak tuan.

5. Segala kerjasama daripada pihak tuan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(DR. SITI NADHIRAH BT LATIF)

Pengurus

Pusat Pembiakan Itik Paya Jaras

KENYATAAN TAWARAN PEMBELIAN JUALAN SISA

Kementerian atau Jabatan:

**Pusat Pembiakan Itik Paya Jaras
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti
1.	Traktor Empat Roda/ Same Mercury 85 WD Special	WBJ 9842	1
2.	Traktor Empat Roda/ Same Mercury	-	1

2. Aset boleh dilihat pada **25 September 2020 sehingga 8 Oktober 2020** di antara jam **10.00 pagi hingga 3.00 petang** di **Pusat Pembiakan Itik, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, 3287, Persiaran Delima, Kg. Paya Jaras Hilir, 47000 Sungai Buloh, Selangor Darul Ehsan.**
3. Tawaran boleh dibuat dengan menggunakan **Borang Tawaran Pembelian Jualan Sisa** yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 4.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah dihantar melalui pos atau serahan tangan di alamat:
**Pusat Pembiakan Itik, Jabatan Perkhidmatan Veterinar,
3287, Persiaran Delima, Kg. Paya Jaras Hilir,
47000 Sungai Buloh, Selangor Darul Ehsan.**
5. Tarikh tutup Tawaran Pembelian Jualan Sisa pada **8 Oktober 2020** jam 12.00 tengah hari. Tawaran yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



(DR. SITI NADHIRAH BT LATIF)

Pengurus

Pusat Pembiakan Itik Paya Jaras

Alamat : Pusat Pembiakan Itik, Jabatan Perkhidmatan Veterinar,
3287, Persiaran Delima, Kg. Paya Jaras Hilir,
47000 Sungai Buloh, Selangor Darul Ehsan.

Tarikh : 15/9/2020

Cap :



SYARAT DAN PERATURAN TAWARAN PEMBELIAN JUALAN SISA

1. Aset akan dijual berdasarkan tawaran harga yang tertinggi.
2. Jualan Sisa hanya boleh ditawarkan kepada syarikat sahaja dan tidak boleh ditawarkan kepada orang perseorangan.
3. Syarikat hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang Membeli Barang Lusuh (Perlu Permit).
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
9. Kenderaan yang telah diluluskan pelupusan secara jualan sisa tidak boleh didaftarkan semula dengan Jabatan Pengangkutan Jalan.
10. Pemilihan syarikat dan keputusan jualan adalah muktamad.

Nota : Syarat-syarat pembelian boleh dipinda mengikut keperluan Kementerian/Jabatan.

BORANG TAWARAN PEMBELIAN JUALAN SISA

Nama Syarikat :
No. Pendaftaran Syarikat :
Alamat :

Kepada :

Pengurus
Pusat Pembiakan Itik, Jabatan Perkhidmatan Veterinar,
3287, Persiaran Delima, Kg. Paya Jaras Hilir,
47000 Sungai Buloh, Selangor Darul Ehsan.

Tuan,

TAWARAN PEMBELIAN JUALAN SISA (KENDERAAN)

Merujuk kepada perkara di atas, syarikat berminat menyertai tawaran tersebut.

2. Tawaran syarikat adalah seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Tawaran (RM)
1.	Traktor Empat Roda/ Same Mercury 85 WD Special	1	
2.	Traktor Empat Roda/ Same Mercury	1	

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan

3. Bersama-sama ini disertakan salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan dalam bidang Membeli Barang Lusuh (Perlu Permit) untuk tindakan selanjutnya.

4. Syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan :

Tarikh :

Cap Syarikat :